



Untuk siaran segera
11 Januari 2024

**PENGISYTIHARAN RASMI MERCU TANDA BAHARU MALAYSIA,
MENARA MERDEKA 118 OLEH DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG**

Bakal menjadi destinasi pelancongan global mempamerkan kekayaan dan kepelbagaian warisan, serta potensi Malaysia yang tidak terbatas

KUALA LUMPUR, 11 Januari, 2024: Mercu tanda ikonik Malaysia yang terkini dan dinantikan kemunculannya, Menara Merdeka 118, telah dilancarkan secara rasminya semalam oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Berangkat sama pada majlis tersebut DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Tersergam sebagai lambang kemakmuran dan kepelbagaian warisan serta potensi negara yang tidak terbatas, ketinggian Menara Merdeka 118 mencecah 678.9 meter, sekaligus menjadikannya menara tertinggi di Asia Tenggara dan yang kedua tertinggi di dunia.

Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata pembangunan Presint Merdeka 118 menggambarkan aspirasi PNB untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi, selain menjadi simbol kepada kemajuan dan pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara.

"Kami amat berbesar hati atas perasmian Menara Merdeka 118. Ia akan menjadi destinasi baharu yang menarik bagi rakyat Malaysia dan pelawat antarabangsa. Komponen-komponen Presint Merdeka 118 telah dipilih dengan teliti untuk menarik pengunjung dari jauh dan dekat, dan akan menjadi salah satu destinasi yang wajib dikunjungi oleh semua pelawat ke Kuala Lumpur.

"Kami juga bersyukur dengan perasmian Masjid Al-Sultan Abdullah, sebuah masjid baharu dengan kapasiti 3,000 orang yang telah pun memulakan solat berjemaah harian," katanya.

Menara Merdeka 118 mempunyai 83 tingkat ruang pejabat Premium Gred-A. Tingkat-tingkat teratas Menara Merdeka 118 akan menempatkan sebuah dek pemerhatian yang direka khas serta hotel Park Hyatt Kuala Lumpur, yang pertama dan satu-satunya di Malaysia.

Menara Merdeka 118 bakal menetapkan penanda aras baharu bagi standard kelestarian, dengan sasaran untuk meraih penarafan platinum yang pertama untuk negara dalam ketiga-tiga penarafan hijau daripada *Leadership in Energy and Environmental Design* (LEED), *Green Real Estate* (GreenRE) dan *Green Building Index* (GBI). Selain itu, Menara Merdeka 118 juga akan memperoleh pensijilan terkemuka WELL daripada *International WELL Building Institute Asia Pacific* berdasarkan keutamaan yang diberikan terhadap kesejahteraan penghuni menara serta masyarakat sekeliling.

Pada tahun 2000, PNB telah memperoleh tanah seluas 40 ekar, yang terletak dalam kawasan bersejarah di tengah-tengah Kuala Lumpur dan turut merangkumi dua mercu tanda bersejarah negara iaitu Stadium Merdeka dan Stadium Negara, yang meliputi 50% daripada keluasan tanah seluruh presint berkenaan.

Sebagai satu-satunya penjaga bagi kedua-dua tapak warisan tersebut, PNB telah membaik pulih Stadium Merdeka kepada keadaan asalnya sepertimana pada tahun 1957.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad berkata kerja-kerja membaik pulih Stadium Merdeka telah dilaksanakan bersama dengan Badan Warisan Malaysia dan Jabatan Warisan Negara. Usaha tersebut seterusnya telah berjaya mendapat pengiktirafan Anugerah Kecemerlangan UNESCO bagi Program Baik Pulih Warisan Budaya.

“Merdeka 118 akan menjana impak positif bagi masyarakat sekeliling dengan meningkatkan kebolehhidupan dan menyokong punca pendapatan setempat. Pada masa yang sama, kami juga akan terus mendukung warisan sejarah dan budaya kawasan ini,” jelas beliau.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad berkata pada tahun 2021, Program Geran Komuniti Merdeka 118 telah dilancarkan untuk memperkasakan komuniti setempat melalui pembangunan perniagaan, institusi dan organisasi masyarakat yang berdaya tahan.

“Membina atas kejayaan program geran ini, ia telah diperluaskan kepada *Cycle Two*, pada tahun 2023, dengan objektif untuk meluaskan bilangan penerimanya,” ujar beliau.

Geran ini memberi tumpuan kepada empat kawasan utama - perniagaan, sukan, seni & budaya, dan pendidikan, serta bertujuan untuk mencipta sebuah komuniti inklusif yang bertenaga di mana setiap orang boleh berkembang. *Cycle Two* menyokong lapan projek yang menarik, mencerminkan misi program ini untuk memupuk inisiatif yang memberi impak dalam komuniti.

Majlis perasmian Merdeka 118 diakhiri dengan pertunjukan lampu dan paparan cahaya pada fakad menara yang gilang gemilang menghiasi langit malam, sebagai simbol pengharapan, kesejahteraan dan masa depan Malaysia yang lebih cerah.





- Tamat -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PNBMV)

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad telah diperbadankan pada bulan Jun 2000 dan adalah pemilik tanah dan penjaga tunggal kedua-dua Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak "Warisan Kebangsaan" pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semenjak itu, PNB Merdeka Ventures telah menjalankan pelan pemuliharaan yang teliti sehingga Stadium Merdeka meraih Anugerah Kecemerlangan UNESCO untuk Program Pemuliharaan Warisan Kebudayaan (Asia Pasifik) pada 2008. www.merdeka118.com

 @merdeka118  @merdeka_118  @precinct_118  merdeka118